



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PPP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

4 JANUARI 2023 (RABU)



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS-SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDN)

4 JANUARI 2023 (RABU)

Harga minyak masak botol kekal hingga 7 Februari

Putrajaya: Harga minyak masak tulen kemasan botol bagi kuantiti satu hingga lima kilogram (kg) dikekalkan bagi tempoh 8 Januari hingga 7 Februari ini, walaupun harga purata minyak sawit mentah (CPO) di pasaran dunia, mengalami peningkatan sejak Disember lalu.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Datuk Seri Salahuddin Ayub, berkata minyak masak botol bagi 1kg kekal pada harga RM6.90, 2kg (RM13.30), 3kg (RM19.60) dan 5kg pada harga RM30.90.

"Penetapan ini hasil kerjasama pihak industri minyak masak yang bersetuju mengekalkan harga sebagai usaha bersama untuk membantu rakyat mengurangkan kos sara hidup," katanya menerusi kenyataan semalam.

Salahuddin berkata, kerajaan menerusi KPDN menetapkan Harga Runcit Maksimum terkini bagi minyak masak sawit tulen kemasan botol mengikut Perintah Kawalan Harga dan Antipencatutan (Penentuan Harga Maksimum Bagi Minyak Masak) 2022.

Katanya, kawalan harga ini dilaksanakan mengikut kaedah harga siling bergerak, berdasarkan purata harga minyak sawit mentah dunia.

Katanya, mana-mana pihak yang didapati menjual melebihi harga maksimum ditetapkan, boleh dikenakan tindakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011.

"Jika sabit kesalahan bagi individu boleh didenda sehingga RM100,000 atau dipenjarakan tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya, manakala bagi syarikat boleh didenda sehingga RM500,000," katanya.

Harga minyak masak botol kekal

PUTRAJAYA - Harga maksimum minyak masak sawit tulen kemasan botol satu, dua, tiga dan lima kilogram (kg) bagi tempoh 8 Januari hingga 7 Februari depan dikekalkan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Datuk Seri Salahuddin Ayob menerusi kenyataan pada Selasa berkata, harga maksimum minyak masak botol itu kekal walaupun

harga purata minyak sawit mentah (CPO) di pasaran dunia mengalami peningkatan pada bulan Disember lalu.

Menurutnya, harga runcit maksimum bagi tempoh tersebut adalah RM6.90 bagi kemasan botol 1kg, RM13.30 (2kg), RM19.60 (3kg) dan RM30.90 bagi 5kg.

"Penetapan ini adalah hasil kerjasama pihak industri minyak masak yang ber-setuju untuk mengekalkan harga sebagai usaha bersama untuk membantu rakyat mengurangkan kos sara hidup.

"Kerajaan menerusi KPDN menetapkan harga runcit maksimum terkini bagi minyak masak sawit tulen kemasan botol di bawah Perintah Kawalan Harga dan Antipencatutan (Penentuan Harga Maksimum Bagi Minyak Masak) 2022.

"Kawalan harga ini dilaksanakan mengikut kaedah harga siling bergerak berdasarkan purata harga minyak sawit mentah dunia," katanya.

Jelasnya, pihak yang menjual melebihi harga maksimum ditetapkan boleh dikenakan tindakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011.

"Pengguna juga digalakkan menjadi mata dan telinga kepada kerajaan untuk menyalurkan maklumat berkaitan ketidakpatuhan undang-undang membabitkan harga runcit maksimum minyak masak sawit tulen di pasaran melalui WhatsApp ke **019-2794317** atau **019-8488000**, portal e-aduan di <https://ea-duan.kpdnhep.gov.my>, call centre **1-800-886-800**, e-mel e-aduan@kpdnhep.gov.my, aplikasi Ez ADU KPDNHEP dan pusat arahan penguatkuasaan (ECC) di talian **03-88826088/6245**," ujarnya.



Harga maksimum minyak masak sawit tulen kemasan botol dikekalkan.

Ceiling prices of bottled cooking oil unchanged

KUALA LUMPUR: The maximum retail prices for bottled cooking oil will remain unchanged for the Jan 8 to Feb 7 period, although the average price of crude palm oil (CPO) in the world market rose last month, says Datuk Seri Salahuddin Ayub.

The Domestic Trade and Cost of Living Minister said the ceiling retail price for 1kg of bottled cooking oil is RM6.90, 2kg (RM13.30), 3kg (RM19.60) and 5kg (RM30.90).

He said the prices were set under the Price Control and Anti-Profitteering (Determination of Maximum Price for Cooking Oil) Order 2022 using the floating ceiling price method based on the average price of world CPO.

"Any party selling above the ceiling price will face action under the Price Control and Anti-Profitteering Act.

"The offender is liable to be fined up to RM100,000 or to serve a jail term of not more than three years, or both," he said, adding that for companies, the fine is up to RM500,000.

He said the government thanks pure cooking oil producers for agreeing to maintain retail prices at existing levels to help people reduce the cost of living.

Consumers can report any breach of the law on cooking oil prices through the WhatsApp lines at 019-279 4317 or 019-848 8000, the e-aduan.kpdnhep portal or the call centre at 1-800-886-800. — Bernama

Pemilik stesen minyak tak mengaku kes tipu RM2.3j

Tertuduh didakwa empat pertuduhan palsu dokumen, perdaya ahli perniagaan

Oleh Omar Ahmad
bhnews@bh.com.my

Johor Bahru: Seorang pemilik stesen minyak mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen, semalam atas empat pertuduhan memalsukan dokumen dan memperdaya seorang ahli perniagaan membabitkan kerugian RM2.3 juta tahun lalu.

Tertuduh, Hanafi Husin, 39, membuat pengakuan itu selepas pertuduhan terhadapnya dibacakan di hadapan Hakim Fatimah Zahari.

Mengikut pertuduhan pertama, tertuduh menipu seorang lelaki berusia 34 tahun dengan curang memperdaya untuk menyerahkan wang RM2.3 juta secara tunai dan dimasukkan ke akaun miliknya dengan cara menawarkan untuk menjalankan perniagaan minyak diesel secara sah.

Bagi pertuduhan kedua, lelaki itu dengan curangnya menggunakan satu dokumen palsu iaitu surat persetujuan penjualan

rampasan minyak diesel bertarikh 23 Mei 2022 daripada pejabat Perdagangan Dalam Negeri Kooperasi Dan Kepenggunaan Johor bagi memperdaya mangsa.

Guna dokumen palsu

Pertuduhan ketiga pula, tertuduh menggunakan satu dokumen palsu iaitu surat sokongan pelesenan gas petroleum cecair (LPG) daripada pihak Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia Zon Johor untuk menipu mangsa dengan menyerahkan wang berkenaan.

Mengikut pertuduhan keempat, tertuduh menggunakan surat status kapasiti bawah tanah bagi produk diesel atau petrol dan sokongan bagi membekal RON97/diesel bagi premis kawasan perindustrian Pasir Gudang bertarikh 20 Jun lalu, dari Boustead Marketing Sdn Bhd.

Semua perbuatan itu didakwa dilakukan di syarikat milik tertuduh di Kawasan Perindustrian Pasir Gudang pada 12 Jun 2022.

Pertuduhan dibuat di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara tidak kurang setahun atau maksimum 10 tahun dan sebat serta boleh dikenakan denda, jika sabit kesalahan.

Tertuduh turut didakwa di bawah Seksyen 471 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara maksimum dua tahun



Hanafi dibawa ke Mahkamah Sesyen Johor Bahru, semalam.

(Foto Nur Aisyah Mazalan/BH)

atau denda atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Nurhayati Muhammad Fathullah, manakala tertuduh diwakili peguam Mohd Fazaly Ali Mohd Ghazaly.

Mahkamah membenarkan ter-

tuduh diikat jamin RM60,000 bagi semua pertuduhan dengan syarat tambahan perlu melapor diri di balai polis berhampiran setiap bulan serta menyerahkan pasport kepada mahkamah.

Sebutan semula kes ditetapkan pada 26 Januari ini bagi tujuan penyerahan dokumen.



HANAFI tunduk ketika dibawa untuk didakwa di Mahkamah Sesyen Johor Bahru semalam.

Didakwa tipu jual diesel RM2.3 juta

JOHOR BAHRU – Seorang pemilik stesen minyak mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini semalam atas empat pertuduhan memalsukan dokumen dan memperdaya seorang ahli perniagaan sehingga menyerahkan wang RM2.3 juta, Jun lalu.

Tertuduh, Hanafi Husin, 39, membuat pengakuan itu di hadapan Hakim Fatimah Zahari.

Hanafi didakwa menipu mangsa untuk menyerahkan wang RM2.3 juta secara tunai dan dimasukkan ke dalam akaun miliknya selepas menawarkan untuk menjalankan perniagaan diesel secara sah.

Tertuduh juga didakwa menggunakan dokumen palsu iaitu surat persetujuan penjualan rampasan diesel bertarikh 23 Mei 2022 daripada pejabat Perdagangan Dalam Negeri Koperasi Dan Kepenggunaan Johor bagi memperdaya mangsa.

Untuk pertuduhan ketiga dan keempat, tertuduh didakwa menggunakan dokumen palsu surat sokongan perlesenan gas petroleum cecair dan menggunakan surat status kapasiti bawah tanah bagi produk diesel atau petrol serta sokongan bagi membekal RON97/diesel bagi premis kawasan perindustrian

Pasir Gudang.

Kesalahan dilakukan di syarikat milik tertuduh di Kawasan Perindustrian Pasir Gudang pada 12 Jun 2022. Pendakwaan dibuat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan dan Seksyen 471 Kanun sama.

Timbalan Pendakwa Raya, Nurhayati Muhammad Fathullah mencadangkan jaminan RM30,000 bagi setiap pertuduhan, namun peguam Mohd. Fazaly Ali Mohd. Ghazaly memohon mempertimbangkan jaminan yang setimpal. Mahkamah membenarkan Hanafi diikat jamin RM60,000.



Nafi tipu RM2.3 juta!

Tauke stesen minyak berdepan empat tuduhan palsu dokumen, perdaya ahli perniagaan

Oleh Omar Ahmad
am@hmetro.com.my

Johor Bahru

Seorang pemilik stesen minyak mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini semalam atas empat pertuduhan memalsukan dokumen dan memperdaya ahli perniagaan membabitkan nilai kerugian RM2.3 juta tahun lalu.

Hanafi Husin, 39, membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Fatimah Zahari.

Mengikut kertas pertuduhan pertama, Hanafi didakwa menipu seorang lelaki berusia 34 tahun dengan curang memperdayakannya untuk menyerahkan wang berjumlah RM2.3 juta secara tunai dan dimasukkan ke dalam akaun miliknya dengan cara menawarkan untuk menjalankan perniagaan minyak diesel secara sah.

Bagi pertuduhan kedua, lelaki itu dengan curangnya telah menggunakan satu dokumen palsu iaitu surat

persetujuan penjualan ram-pasan minyak diesel bertarikh 23 Mei 2022 dari pihak pejabat Perdagangan Dalam Negeri Koperasi Dan Penggunaan Johor bagi memperdaya mangsa.

Pertuduhan ketiga pula, tertuduh menggunakan satu dokumen palsu iaitu surat sokongan pelesenan gas petroleum cecair (LPG) dari pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Zon Johor untuk menipu mangsa dengan menyerahkan wang berkenaan.

Mengikut pertuduhan keempat, tertuduh menggunakan surat status kapasiti bawah tanah bagi produk diesel atau petrol dan sokongan bagi membekal Ron97/diesel bagi premis kawasan perindustrian Pasir Gudang bertarikh 20 Jun lalu, dari Boustead Marketing Sdn. Bhd.

Kesemua perbuatan itu didakwa dilakukan di syarikat milik tertuduh di Kawasan Perindustrian Pasir Gudang pada 12 Jun 2022.

Pertuduhan dibuat di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara tidak kurang setahun atau maksimum 10 tahun dan sebat serta boleh dikenakan denda.

Tertuduh turut didakwa di bawah Seksyen 471 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara maksimum dua tahun atau denda atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Nurhayati Muhammad Fathullah manakala tertuduh diwakili peguam, Mohd Fazaly Ali Mohd Ghazaly.

Mahkamah membenarkan tertuduh diikat jamin RM60,000 bagi kesemua pertuduhan dengan syarat tambahan perlu melapor diri di balai polis berhampiran setiap bulan serta menyerahkan pasport kepada mahkamah.

Sebutan semula kes pada 26 Januari ini bagi tujuan penyerahan dokumen.

**Tertuduh diikat jamin
RM60,000 bagi
kesemua pertuduhan**

Pemilik stesen minyak turut didakwa atas pertuduhan palsukan dokumen

Oleh NOR AZURA MD AMIN
JOHOR BAHRU

Seorang pemilik stesen minyak dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini pada Selasa, atas empat pertuduhan memalsukan dokumen dan memperdayakan seorang ahli perniagaan sehingga menyerahkan RM2.3 juta pada Jun tahun lalu.

Tertuduh, Hanafi Husin, 39, bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan jurubahasa di hadapan Hakim Fatimah Zahari.

Mengikut pertuduhan pertama, Hanafi didakwa menipu seorang lelaki berusia 34 tahun dengan menawarkan perniagaan minyak diesel secara sah sehingga memperdayakan mangsa menyerahkan wang sebanyak RM2.3 juta secara tunai dan dimasukkan ke dalam akaun miliknya.

Bagi pertuduhan kedua, tertuduh didakwa menggunakan satu dokumen palsu iaitu surat penjualan rampasan diesel ber-

tarikh 23 Mei lalu dari Pejabat Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan Johor bagi memperdayakan individu sama.

Pertuduhan ketiga pula, tertuduh didakwa menggunakan satu dokumen palsu iaitu surat pelesenan gas petroleum cecair (LPG) dari Jabatan Bomba dan Penyelamat Zon 1-Johor bagi memperdaya ahli perniagaan itu.

Bagi pertuduhan keempat, tertuduh didakwa menggunakan satu dokumen palsu iaitu surat status kapasiti bawah tanah bagi produk diesel dan petrol serta sokongan bagi membekal RON97 dan diesel bagi premis kawasan perindustrian Pasir Gudang bertarikh 20 Jun lalu, dari Boustead Marketing Sdn Bhd bagi memperdayakan individu sama.

Kesemua perbuatan itu dilakukan di syarikat milik tertuduh di Kawasan Perindustrian Pasir Gudang pada 12 Jun lalu.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksan



Hanafi (depan) mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Johor Bahru pada Selasa.

yang memperuntukkan hukuman penjara tidak kurang setahun atau maksimum 10 tahun dan sebat serta boleh dikenakan denda.

Selain itu tertuduh turut didakwa di bawah Seksyen 471 Kanun Keseksan yang membawa hukuman penjara maksimum dua tahun atau denda atau

kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Nurhayati Muhammad Fathullah manakala tertuduh diwakili peguam, Mohd Fazaly Ali Mohd Ghazaly.

Hakim membenarkan ter-

tuduh diikat jamin RM60,000 bagi kesemua pertuduhan dengan syarat tambahan pasport diserahkan kepada mahkamah dan perlu melapor diri di balai polis berhampiran setiap bulan.

Mahkamah kemudiannya menetapkan 26 Januari sebagai tarikh sebulan semula kes.

Dituduh perdaya ahli perniagaan RM2.3 juta

NOT GUILTY PLEA

Petrol station owner charged with cheating businessman of RM2.3m



The accused, Hanafi Husin, arriving at the Sessions Court in Johor Baru yesterday. PIC BY NUR AISYAH MAZAILAN

JOHOR BARU: A petrol station proprietor pleaded not guilty in the Sessions Court here yesterday to four charges of cheating a businessman of RM2.3 million and using forged documents regarding the operations of a fuel business last year.

Hanafi Husin, 39, allegedly cheated the 34-year-old businessman by deceiving him into handing over cash on three occasions and depositing money involving a total of RM2.3 million, into a company bank account twice between June 17 and July 6 last year.

He was also charged with using a forged letter of consent on sale of seized diesel, dated May 23, 2022, from the Johor Domestic

Trade, Cooperatives and Consumerism office.

He also allegedly used fake documents in the form of a support letter on liquefied petroleum gas/petroleum products licensing from the Zone 1 Fire and Rescue Department, a letter on underground tank storage capacity for diesel/petrol products and a support letter on the supply of RON 97 petrol/diesel for premises in the Pasir Gudang industrial area.

The falsification of documents were allegedly committed at the company owned by the accused in the Pasir Gudang industrial estate on June 12, 2022.

Hanafi was charged under Section 420 of the Penal Code, which

provides for a maximum jail term of 10 years, caning and a fine, and Section 471 of the same Code, which provides for up to two years' jail or a fine, or both, upon conviction.

The prosecution was conducted by deputy public prosecutor Nor Hayati Muhammad Fathullah.

Lawyer Mohd Fazaly Ali Mohd Ghazaly represented the accused.

Judge Fatimah Zahari allowed the accused bail of RM60,000 and ordered him to surrender his passport to the court and to report to the nearest police station every month.

She fixed Jan 26 for mention. **Bernama**

Petrol station owner on trial over cheating

By REMAR NORDIN
remar.nordin@thestar.com.my

JOHOR BARU: A petrol station owner has been charged at the Sessions Court here with forging documents and cheating a businessman of over RM2.3mil.

The accused, Hanafi Husin, 39, pleaded not guilty to the charges after they were read to him in front of judge Fatimah Zahari yesterday.

According to the first charge, the accused allegedly cheated a 34-year-old man into handing over RM2.3mil in cash that was then transferred into his personal bank account in June last year after offering to run a diesel business.

On the second charge, the accused allegedly used a fake agreement document to sell seized diesel dated May 23, 2022, from the Johor Domestic Trade, Cooperatives, and Consumerism office to deceive the victim.

On the third charge, the accused allegedly used a fake document that claimed to be a support letter for a liquefied petroleum gas (LPG) licence from the Johor Fire and Rescue Department to lie to the victim so that he would hand over his money.

On the fourth charge, the accused allegedly used an underground capacity status letter for diesel or petrol products and a support letter for supplying RON97/diesel for the Pasir Gudang Industrial Area dated June 20, 2022 from Boustead Marketing Sdn Bhd.

All the offences were purportedly committed at a company that belonged to the accused in the Pasir Gudang Industrial Area on June 12, 2022.

The act is an offence under Section 420 of the Penal Code for cheating, which carries imprisonment for a maximum of 10 years, whipping, and a fine.

The accused was also charged under Section 471 of the Penal Code for forgery and fraudulently using a forged document as genuine.

The charge carries a maximum sentence of two years in jail, a fine, or both if convicted.

The prosecution was conducted by deputy public prosecutor Nurhayati Muhammad Fathullah, while the accused was represented by Mohd Fazaly Ali Mohd Ghazaly.

During the proceeding, the prosecution requested bail of RM30,000 for every charge, but the defence counsel made a mitigation appeal for lower bail.

The court then set RM60,000 bail for all of the charges with one surety, with additional terms for the accused to report to the nearest police station every month and surrender his passport to the court.

The case is set for mention again on Jan 26.

Petrol station owner charged in RM2.3m cheating case

JOHOR BARU: A petrol station proprietor pleaded not guilty in the Sessions Court yesterday to four charges of cheating a businessman of RM2.3 million and using forged documents for a fuel business operations last year.

Hanafi Husin, 39, is alleged to have deceived the 34-year-old businessman into handing him cash thrice and depositing money into a bank account twice between June 17 and July 6 last year, Bernama reported.

He is also alleged to have used fake support letters for LPG petroleum products licensing, underground tank storage capacity and supply of RON97 petrol and diesel in Pasir Gudang. Judge Fatimah Zahari allowed bail of RM60,000 and fixed Jan 26 for mention.

BERITA ONLINE BERTARIKH 4 JANUARI 2023

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
4-Jan	Harga runcit minyak masak tulen kemasan botol kekal	https://dayakdaily.com/harga-runcit-minyak-sawit-tulen-kemasan-botol-kekal/	DAYAKDAILY
4-Jan	Harga maksimum minyak masak botol kekal	https://www.kosmo.com.my/2023/01/03/harga-maksimum-minyak-masak-botol-kekal/	KOSMO
4-Jan	Harga sedia ada minyak masak botol kekal hingga 7 Februari 2023	https://www.dagangnews.com/content/harga-sedia-ada-minyak-masak-botol-kekal-hingga-7-februari-2023-kpdn-22761	DAGANGNEWS
4-Jan	Harga maksimum minyak masak botol kekal	https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/238826	SH
4-Jan	Harga maksimum minyak masak botol kekal	https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/harga-maksimum-minyak-masak-botol-kekal-400037%3famp=1#ip=1	ASTROAWANI
4-Jan	Harga maksimum minyak masak botol kekal	https://wartaoriental.com/2023/01/04/harga-maksimum-minyak-masak-botol-kekal/	WARTAORIENTAL
4-Jan	Harga minyak masak berbotol kekal hingga 7 Februari	https://www.edisi9.com.my/2023/01/harga-minyak-masak-berbotol-kekal-hingga-7-februari/	EDISI9
4-Jan	Harga maksimum minyak masak botol kekal	https://www.buletintv3.my/nasional/harga-maksimum-minyak-masak-botol-kekal/	BULETINTV3
4-Jan	Ceiling prices of bottled cooking oil unchanged for Jan 8-Feb 7 period	https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/01/03/ceiling-prices-of-bottled-cooking-oil-unchanged-for-jan-8-feb-7-period	THETSTAR
4-Jan	Harga minyak masak kekal - Salahuddin	https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/01/921794/harga-minyak-masak-kekal-salahuddin	HM

4-Jan	Harga runcit minyak sawit tulen kemasan botol kekal: Salahuddin Ayub	https://www.thesundaily.my/home/harga-runcit-minyak-sawit-tulen-kemasan-botol-kekal-salahuddin-ayub-EB10446222	THESUNDAILY
4-Jan	Harga runcit minyak masak tulen kemasan botol kekal	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2153041	BERNAMA
4-Jan	Harga runcit minyak sawit kemasan botol kekal - Salahuddin	https://m.malaysiakini.com/news/650216	MALAYSIAKINI
4-Jan	Ceiling price for bottled cooking oil unchanged	https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2023/01/03/ceiling-price-for-bottled-cooking-oil-unchanged/	FMT
4-Jan	Government Keeps Cooking Oil Price Unchanged Till February	https://www.businesstoday.com.my/2023/01/03/government-keeps-cooking-oil-price-unchanged-till-	BUSINESSTODAY
4-Jan	Harga sedia ada minyak masak berbotol kekal hingga 7 Februari	https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/01/1047192/harga-sedia-ada-minyak-masak-berbotol-kekal-hingga-7-februari	BH
4-Jan	Harga sedia ada minyak masak berbotol kekal hingga 7 Februari	https://mediavariasi.com/2023/01/harga-runcit-minyak-sawit-tulen-kemasan-botol-kekal-salahuddin/	MEDIAVARIASI
4-Jan	Ceiling prices of bottled cooking oil remain unchanged till Feb 7	https://www.google.com/amp/s/www.malaymail.com/amp/news/malaysia/2023/01/03/ceiling-prices-of-bottled-cooking-oil-remain-unchanged-till-feb-7/48253	MALAYMAIL
4-Jan	Harga maksimum minyak masak botol kekal	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/01/harga-maksimum-minyak-masak-botol-kekal/	UM
4-Jan	Harga minyak masak botol kekal	https://malaysiagazette.com/2023/01/03/harga-minyak-masak-botol-kekal/	MALAYSIAGAZETTE

4-Jan	HARGA MINYAK MASAK SAWIT TULEN KEMASAN BOTOL KEKAL	https://youtu.be/NvhEuCCQTBw	BERITARTM
4-Jan	HARGA MINYAK MASAK SAWIT TULEN KEMASAN BOTOL KEKAL	https://vt.tiktok.com/ZS8MGMrjs/	BERITARTM
4-Jan	Harga minyak masak botol kekal	https://malaysiagazette.com/2023/01/03/cadangan-kawal-harga-daging-babi-ke-kabinet-esok-salahuddin/	MALAYSIAGAZETTE
4-Jan	Dr Rundi cadang laksana harga siling daging babi segar untuk sta- bilkan harga	https://www.utusanborneo.com.my/2023/01/03/dr-rundi-cadang-laksana-harga-siling-daging-babi-segar-untuk-stabilkan-harga	UMBORNEO
4-Jan	Cadangan stabilkan harga babi dibawa ke kabinet esok	https://m.malaysiakini.com/news/650217	MALAYSIAKINI
4-Jan	Cadangan kawalan harga daging babi dibawa ke Kabinet	https://www.google.com/amp/s/malaysiapost.com.my/2023/01/03/cadangan-kawalan-harga-daging-babi-dibawa-ke-kabinet/amp/	MALAYSIAPOST
4-Jan	Isu harga ayam belum selesai, isu daging babi pula dibawa bincang ke Kabinet esok	https://www.agendadaily.com/isu-semasa/isu-harga-ayam-belum-selesai-isu-daging-babi-pula-dibawa-bincang-ke-kabinet-esok/	AGENDADAILY
4-Jan	Cadangan kawal kestabilan harga makanan dibawa ke kabinet esok	https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/238858	SH
4-Jan	Cadangan kawal kestabilan harga makanan dibawa ke Kabinet esok	https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/cadangan-kawal-kestabilan-harga-makanan-dibawa-ke-kabinet-esok-400086%3famp=1	ASTROAWANI
4-Jan	Cadangan stabilkan harga babi dibawa ke kabinet esok – Sala- huddin	https://www.cinca.news/2023/01/cadangan-stabilkan-harga-babi-dibawa-ke.html?m=1	CINCA.NEWS
4-Jan	Rahsia resipi dari internet	https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/01/921833/rahsia-resipi-dari-internet	HM